

NAM Digesa Terus Tekan Keanggotaan Palestin Dalam PBB
Bernama
10 Mei, 2012

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Malaysia menggesa Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) supaya terus mengenakan tekanan ke atas permohonan tergantung Palestin menjadi ahli penuh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Timbalan Menteri Luar A. Kohilan Pillay berkata NAM harus meneruskan usaha terbaiknya bagi mendapatkan baki 60 negara dalam PBB dan khususnya 15 negara anggota NAM supaya mengiktiraf wilayah Palestin yang bebas dengan secepat mungkin.

"Adalah penting bagi NAM kekal di barisan depan dalam perjuangan rakyat Palestin," katanya semasa mencela pada Perdebatan Interaktif Peringkat Menteri Jawatankuasa NAM Mengenai Palestin di Sharm El-Sheikh, Mesir, Rabu. Teks ucapannya diberikan oleh kementeriannya di sini.

Kohilan menegaskan Israel harus mengakhiri pendudukan wilayah Palestin sejak berdekad lalu iaitu pendudukan ketenteraan paling lama dalam sejarah moden.

"Kita tidak boleh terus menafikan hak rakyat Palestin untuk menubuhkan sebuah negara Palestin bebas berdasarkan penyelesaian dua negara dengan sempadan sebelum 1967 dan Baitulmaqdis Timur sebagai ibu negaranya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=665338>